

**NO. SOALAN: 420**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**RUJUKAN : 9812**

**SOALAN :**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara sejak tahun 2013 - tahun 2016; dan
- (b) jumlah kelulusan permohonan kewarganegaraan sejak tahun 2013 - tahun 2016 berdasarkan kaum dan negara asal.

**JAWAPAN:**

**Bagi menjawab soalan (a), jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia yang telah diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sepanjang tahun 2013 hingga 2016 adalah sebanyak 35,315 permohonan.**

**Bagi menjawab soalan (b), jumlah pemohon yang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia dalam tempoh yang sama pula adalah seramai 14,112 orang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat warga asing di Malaysia tidak direkodkan mengikut kaum tetapi berpandukan negara asal mereka. Dalam hal ini, tiga negara asal tertinggi pemohon tersebut adalah dari Indonesia (5,269 orang), India (4,508 orang) dan Thailand (1,357 orang).**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**SOALAN : 421**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) jumlah pesawat peribadi berdaftar di Malaysia sejak tahun 2008 - tahun 2016 ; dan
- (b) jumlah pesawat dan helikopter yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia untuk kegunaan rasmi berdasarkan Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan pusat.

## **JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Jabatan Penerbangan Awam (DCA) tidak merekodkan sebarang tujuan penggunaan kapal udara sama ada untuk tujuan peribadi atau untuk tujuan-tujuan lain semasa mempertimbangkan permohonan pendaftaran kapal udara.
- (b) Berdasarkan rekod DCA, jumlah pesawat yang dimiliki oleh Kerajaan Malaysia berdasarkan Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan pusat adalah seperti berikut:

(i) Jabatan Bomba Malaysia	:	3 buah
(ii) Polis Diraja Malaysia	:	12 buah
(iii) Jabatan Penerbangan Awam	:	2 buah